0844

U 8934 BAH

MAHATHIR - PARTI

PULAU PINANG, 3 DIS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI BERKATA BERKATA HARI INI PERGOLAKAN YANG BERLAKU KEPADA PARTI KOMPONEN BN SEKARANG TIDAK MEMBIMBANGKAN DAN JUGA TIDAK MENJEJASKAN KEKUATAN BARISAN NASIONAL.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA APA YANG BERLAKU DI KALANGAN PARTI KOMPONEN BN ADALAH +PERKARA BIASA+ KERANA PARTI +CAMPURAN+ BN SEJAK 31 TAHUN LEPAS TELAH DAPAT MENYELESAIKAN PELBAGAI MASALAH.

KETIKA BERCAKAP KEPADA PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN PERSIDANGAN PERWAKILAN KESATUAN GURU-GURU MELAYU MALAYSIA BARAT (KGMMB) DWITAHUNAN KE-11 DAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KOPERASI KGMMB BERHAD DI SINI, BELIAU BERKATA NEGARA DAPAT MENGATASI APA YANG BERLAKU PADA PARTI KOMPONEN BN WALAUPUN MEMPUNYAI 13 BUAH ANGGOTA PARTI.

MENURUT BELIAU MALAYSIA LEBIH BERBANGGA DENGAN KEJAYAAN INI KALAU DIBANDINGKAN DENGAN NEGARA LAIN YANG TIDAK BANYAK MEMPUNYAI PARTI KOMPONEN TETAPI TIDAK DAPAT MENYELESAIKAN PERGOLAKAN POLITIKNYA.

+APA YANG BERLAKU TERHADAP MCA DAN GERAKAN TIDAK MENGGUGAT KEKUATAN BN KERANA ANGGOTA MASIH LAGI MENYERTAI PARTI KOMPONEN BN+, TAMBAH BELIAU.-LAGI

1536MST 03 12 88

0854

U 8934 BAH

MAHATHIR - PARTI 2 PULAU PINANG

PERGOLAKAN INI TIDAK AKAN JUGA MEMBERIKAN PELUANG KEPADA PARTI PEMBANGKANG KERANA PERJUANGANNYA SELAMA INI TIDAK DAPAT MENEMBUSI FIKIRAN RAKYAT UNTUK MENAKLUKI SESEBUAH NEGERI.

MENGENAI TAWARAN MAJLIS TERTINGGI (MT) KEPADA LIMA BEKAS ANGGOTA MT UNTUK MENYERTAI SEMULA, PRESIDEN PARTI ITU MENEGASKAN BAHAWA SEBARANG PIHAK JANGANLAH MENGENAKAN SYARAT SEBAGAI KEANGGOTAANNYA.

KEANGGOTAAN MESTILAH MEMIKIRKAN PERPADUAN MELAYU SEPERTI YANG DISARANKAN DALAM RUMUSAN PARA CENDEKIAWAN MELAYU.

LIMA BEKAS MT YANG TERLIBAT TERDIRI DARI DATUK RADZI SHEIKH AHMAD, DATUK SHAHRIR SAMAD, DATUK ZAINAL ABIDIN ZIN, DATIN PADUKA HAJAH RAHMAH OSMAN DAN HAJAH MARINA YUSOF.

MENGENAI KEDUDUKAN SETIAUSAHA PARLIMEN KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN, ENCIK G. PANDITHAN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BAHAWA KEDUDUKAN BELIAU HANYA DIKETAHUI SELEPAS PRESIDEN MIC DATUK S. SAMY VELLU MENGADAKAN PERBINCANGAN DENGAN BELIAU.

ENCIK PANDITHAN YANG JUGA SALAH SEORANG NAIB PRESIDEN MIC DIPECAT DARIPADA PARTI ITU KHAMIS LEPAS.--BERNAMA

1545MST 03 12 88